

JPS Updates

HONDA
The Power of Dreams

Standard Chartered



TAHNIAH JPS TEMPAT KE-2 DAN KE-6 LARIAN STANDARD CHARTERED KL MARATHON 2016



MESYUARAT PEGAWAI
PERHUBUNGAN AWAM JPS
BIL 2/2016
m/s 02

SAMBUTAN HARI RAYA
AIDILFITRI 2016 PERINGKAT
IBU PEJABAT JPS
m/s 05

LAWATAN TEKNIKAL KE
EMPANGAN PAYA PEDA,
TERENGGANU
m/s 08

SUDUT MAKLUMAT - M/S 10



@OneJPS

www.water.gov.my

Tahniah TIMBALAN KETUA PENGARAH II DI ATAS PENGANUGERAHAN DARJAH INDERA MAHKOTA PAHANG (DIMP)

Oleh: Bahagian Korporat

Segulung ucapan tahniah diucapkan kepada YBhg. Dato' Dr. Md. Nasir Bin Md. Noh, Timbalan Ketua Pengarah II (Sektor Pakar) JPS Malaysia di atas penganugerahan Darjah Kebesaran Negeri Pahang-Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) yang membawa gelaran Dato' pada 20 Ogos 2016 yang lalu.



TAHNIAH JPS DI ATAS PENGIKTIRAFAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM

Oleh : Bahagian Korporat

Pada 23-28 Jun 2016, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah selesai melaksanakan Pengauditan bagi kelayakan Pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) di IBU PEJABAT JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN (JPS) MALAYSIA. " Berdasarkan kepada kelayakan pensijilan EKSA, hanya agensi sektor awam yang mendapat markah 80% ke atas sahaja layak dipersijilkan. Berdasarkan pemarkahan yang dinilai mengikut kriteria pengauditan pensijilan EKSA MAMPU, JPS Malaysia LAYAK UNTUK DIPERSIJILKAN."

En. Ahmad Najme bin Muhammad, Bahagian Perundingan Pengurusan 2, MAMPU

Sehubungan dengan itu, syabas dan tahniah diucapkan kepada seluruh warga kerja JPS Malaysia di atas pengiktirafan Pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) dari 15 Julai 2016 sehingga 14 Julai 2018 oleh pihak MAMPU. JPS telah menerima Pensijilan EKSA dalam kategori BAIK dengan jumlah markah purata sebanyak 89.37%. Terima kasih diucapkan di atas segala usaha dan kerjasama warga Jabatan dalam memperolehi pensijilan ini. Diharapkan semoga budaya persekitaran yang kondusif dapat diamalkan secara berterusan di Jabatan ini.



MESYUARAT PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM JPS BIL 2/2016

Oleh: Bahagian Korporat

Pada 16-17 Ogos 2016 bertempat di JPS Dearah Pekan telah diadakan satu Mesyuarat Pegawai Perhubungan Awam Bil 2/2016 yang telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Ir. Hj. Nor Hisham bin Mohd. Ghazali, Pengarah Kanan JPS Malaysia. Turut hadir bersama Ir. Hj. Nishad Mohamed bin Hj. C.j Mohd Shaffy, Pengarah Korporat dan Pn Yuslina binti Mohd Sani, Ketua Penolong Pengarah Kanan.

Mesyuarat yang diadakan selama 2 hari ini telah diisi dengan taklimat I-Watch oleh Bahagian Pengurusan Fasiliti & GIS, taklimat Rakyat Responz oleh Biro Pengaduan Awam, taklimat dari wakil media Negeri Pahang serta Pembentangan Etika Penggunaan Media Sosial/ FB/ Twitter/ YouTube di Jabatan Kerajaan oleh Bahagian Korporat.



KURSUS HIDRAULIK & HIDROLOGI KERJASAMA JPS MALAYSIA, US ARMY CORPS OF ENGINEERS (USACE) DAN UIAM

Oleh : Bahagian Korporat

Pada 15 -18 Ogos 2016, bertempat di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah diadakan Kursus Hidraulik & Hidrologi dengan kerjasama diantara JPS Malaysia, US ARMY CORPS OF ENGINEERS (USACE) dan UIAM. Kursus ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Ir. Hj. Zulkefli bin Hassan, Ketua Pengarah JPS Malaysia, dan turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Dr. Md. Nasir Bin Md. Noh, Timbalan Ketua Pengarah II (Sektor Pakar) serta pengarah-pengarah Bahagian.

Antara lain yang hadir ialah Lieutenant Colonel Thomas Stevenson, US Army, ODC Chief, Prof Dr Abdelaziz Berghout, Timbalan Rektor, UIAM, dan Prof Emeritus Dato' Wira Ir. Dr Md Noor Salleh, Dekan Kulliyah Kejuruteraan, UIAM dan 53 peserta yang terdiri daripada jurutera bahagian, jurutera negeri JPS Malaysia dan dari agensi luar seperti dari NAHRIM, KeTTHA, UIAM, Jabatan Meteorologi dan MOSTI.

Kursus ini dapat memberi pendedahan berkenaan dengan penggunaan Perisian HEC-RAS dalam bidang hidraulik dan hidrologi serta dapat memperolehi pengetahuan secara langsung berkaitan dengan penggunaan perisian HEC-RAS daripada para pensyarah yang didatangkan khas dari Amerika Syarikat dimana para pensyarah ini merupakan individu yang berkemahiran di dalam bidang hidraulik dan hidrologi.



JPS MEMENANGI TEMPAT KE-2 DAN KE-6 PADA ACARA LARIAN STANDARD CHARTERED KL MARATHON 2016

Oleh : Bahagian Korporat

Syabas dan tahniah kepada peserta-peserta JPS yang menyertai Acara Larian 10KM Ministries Challenge, Standard Chartered KL Marathon 2016 yang telah berlangsung pada 7 Ogos 2016. Seramai lapan (8) orang peserta dari JPS yang menyertai acara ini. Peserta JPS telah memenangi tempat KEDUA dan KEENAM pada acara larian tersebut dan telah mengharumkan nama JPS Malaysia. TAHNIAH kepada peserta-peserta JPS yang menjadi kebanggaan seluruh warga JPS Malaysia. Semoga kemenangan ini akan menjadi penyuntik kepada kemengangan acara-acara sukan seterusnya.

PESERTA ACARA LARIAN 10KM MINISTRIES CHALLENGE

1. OOI SOON LEE, JPS WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
2. MARUTHAMUTHU SANKAR A/L ANGAPPAN, BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
3. MOHD KASIM BIN ABDULLAH, JPS TERENGGANU
4. THILLAPPAN A/L SUBRAMANIAM, BAHAGIAN KORPORAT
5. AZRIL HAFIZ BIN AB RAHIM, BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
6. LOUIS HO YENG GEE, BAHAGIAN REKABENTUK DAN EMPANGAN
7. JAMAL BIN RAHMAN, JPS JOHOR
8. ZUL HAIMI KAMAL, BAHAGIAN PENGURUSAN ZON PANTAI



KEM PEMIMPIN MUDA PRIHATIN AIR UNESCO IHP

MALAYSIA KEBANGSAAN 2016 ZON UTARA

Mencetus Fenomena

Oleh : Bahagian Sumber Air dan Hidrologi

Kem Pemimpin Muda Prihatin Air UNESCO-IHP Malaysia Kebangsaan (ZON UTARA) telah diadakan dengan jayanya serentak dengan Bengkel Komuniti 'Saya Prihatin Air' di SMK Pauh Jaya pada 2-3 Ogos 2016. Program ini telah disertai seramai 100 orang terdiri daripada pelajar sekolah menengah, ibu bapa, para guru dan rakan agensi.

Objektif utama program ini adalah untuk menjelaskan dan meningkatkan pemahaman terhadap peranan pengurusan sumber air serta menyokong pelaksanaan Fokus Utama Dasar Sumber Air Negara (DSAN) bagi pembinaan keupayaan dan kesedaran dalam mempertingkatkan kefahaman dan kesedaran terhadap kepentingan jaminan dan kelestarian Sumber Air Negara.

Program ini meliputi dua aspek utama;

- i. Diseminasi maklumat tentang sumber air dan kepentingannya (teori),
- ii. Aplikasi praktikal tentang kaedah-kaedah mudah dan murah yang boleh digunakan oleh peserta di premis kediaman, sekolah atau tempat kerja masing-masing seperti cara membaiki paip.



Program Kesihatan 'JOM SIHAT, CANTIK DAN SEGAK 2016'

Oleh: Bahagian Khidmat Pengurusan

Bertempat di Dewan Serbaguna, Masjid Wilayah Persekutuan telah diadakan Program Kesihatan 'Jom Sihat, Cantik Dan Segak 2016' pada 30 Ogos 2016. Program ini telah dirasmikan oleh Tuan Haji Zakariah bin Isa, Imam Besar Masjid Wilayah Persekutuan (MWP) dan antara ahli panel yang terlibat ialah YBhg. Dr. Yasmeen Farouk Mohamed, Pakar Pemakanan (PhD Biological Science) dan YBhg. Dr. Mahathir Mohamed, Pengarah Urusan (Timeless Anti-Aging & Skin Rejuvenation Clinic)

Seramai 320 orang peserta dari pelbagai agensi telah menyertai program ini termasuklah dari Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia bagi mendapatkan pendedahan mengenai amalan pemakanan yang sihat, sentiasa peka dan berpengetahuan serta mengamalkan aktiviti kecergasan untuk meningkatkan dan mengekalkan tahap kecergasan fizikal berdasarkan kesihatan yang optimum.



SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2016 PERINGKAT IBU PEJABAT JPS

Oleh: Bahagian Korporat

Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2016 Peringkat Ibu Pejabat JPS telah diadakan pada 1 Ogos 2016 bersamaan dengan 27 Syawal 1437 serentak bersama-sama dengan Perhimpunan Pagi JPS bertempat di perkarangan tempat letak kereta Ibu Pejabat JPS Malaysia. Majlis ini telah diserikan dengan kehadiran Puan Azizah binti Ariffin, Setiausaha Bahagian Sumber Air, Saliran dan Hidrologi, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Majlis sambutan hari raya ini telah diadakan secara sederhana, namun tetap meriah dengan kehangatan suasana hari raya dan saling mengeratkan hubungan silaturrahim dikalangan warga JPS yang hadir. Jamuan Hari Raya kali ini telah disediakan dengan kerjasama Jawatankuasa Pembangunan Islam (JPI) JPS Malaysia dengan juadah menu raya seperti Lemang, Rendang, Sate, laksa, kuih-muih dan minuman sebagai hidangan sajian.



Mesyuarat JAWATANKUASA TINDAKAN PENYELARASAN SALIRAN MESRA ALAM BIL.1/2016

Oleh : Bahagian Saliran Mesra Alam

Pada 15-16 Ogos 2016, satu Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Penyelarasan Saliran Mesra Alam telah diadakan di JPS Negeri Johor. Seramai 30 pegawai telah menghadiri mesyuarat ini yang telah dipengerusikan oleh Pn Zalilah binti Selamat, Pengarah Saliran Mesra Alam. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk mendapatkan maklum balas dan membincangkan isu-isu berkaitan saliran mesra alam.



MESYUARAT MAKMAL KAJIAN NILAI (VA): PROJEK PEMULIHARAAN MUARA SUNGAI SETIU, TERENGGANU



Oleh: Bahagian Pengurusan Zon Pantai

Bertempat di Grang Puteri Hotel, Kuala Terengganu telah dilaksanakan satu Mesyuarat Makmal Kajian Nilai (VA) pada 8 – 11 Ogos 2016. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Ir. Hj. Nor Hisham bin Mohd. Ghazali, Pengarah Kanan JPS Malaysia. Turut hadir bersama ialah Kapten (B) Ir. Hj. Anuar bin Hj. Yahya, Pengarah Pengurusan Zon Pantai, JPS Malaysia dan YB Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, Ahli Parlimen Setiu.

Objektif mesyuarat ini diadakan adalah bagi mencapai nilai lebih baik dengan kos optimum tanpa menjejaskan tahap prestasi program dan projek dengan mengambil kira pendekatan pelbagai disiplin yang sistematik dan inovatif serta menjalankan kerjasama secara kreatif untuk mencapai keperluan pelanggan dan stakeholder.



LAWATAN KERJA DATO' KETUA PENGARAH JPS MALAYSIA KE BPME IPOH

Oleh: Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrik

YBhg. Dato' Ir. Haji Zulkefli bin Hassan, Ketua Pengarah JPS Malaysia telah menghadiri lawatan kerja sehari ke Bahagian Perkhidmatan Mekanikal & Elektrikal, Ipoh, Perak pada 19 Ogos 2016. Tujuan lawatan ini adalah untuk beramah mesra dengan para kakitangan BPME Ipoh serta meninjau perlaksanaan kerja dan aktiviti yang dilaksanakan di BPME Ipoh.

Selain itu, lawatan ini dapat mengeratkan lagi hubungan antara pihak pengurusan atasan JPS bersama kakitangan BPME Ipoh dan IMPI (Utara) serta dapat mengenalpasti perlaksanaan kerja-kerja di bengkel terutamanya Bengkel Ujian dan Pintu Air yang mana boleh diketengahkan dan dikomersialkan untuk tujuan dikategorikan sebagai pakar.



Taklimat PEMANTAPAN PELAN TINDAKAN GGP JANGKA MASA PANJANG (2016-2020) JPS, MALAYSIA

Oleh : Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrik

Pada 24 Ogos 2016 dan bertempat di Malaysia Green Technology Corporation, Bandar Baru Bangi telah diadakan satu sesi Taklimat Pemantapan Pelan Tindakan GGP Jangka Masa Panjang (2016-2020) JPS Malaysia anjuran Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal dengan kerjasama Malaysian Green Technology Corporation (MGTC). Taklimat ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Dr. Md. Nasir bin Md. Noh, Timbalan Ketua Pengarah II (Sektor Pakar) JPS Malaysia.

Seramai 25 penyelaras dan wakil penyelaras GGP yang terdiri daripada Bahagian dan JPS Negeri turut hadir bagi menjayakan taklimat ini. Puan Noor Hidayu Hashim, Ketua Penolong Setiausaha, Sektor Teknologi Hijau, Kementerian Tenaga Hijau dan Air (KeTTHA) dan Puan Norhasliza Mohd Mokhtar, Vice President, Green Teknologi Malaysia turut serta dalam menjayakan taklimat ini.



LAWATAN SEKTOR PAKAR JPS MALAYSIA KE EMPANGAN BAKUN, SARAWAK: PENANDAARASAN “NATIONAL DAM SAFETY MANAGEMENT GUIDELINES (NDSMG) AND THE NATIONAL DAM SAFETY MANAGEMENT ACT (NDSMA)”

Oleh : Bahagian Rekabentuk dan Empangan

Bertempat di Empangan Bakun, Sarawak, satu Lawatan Sektor Pakar JPS Malaysia telah diadakan pada 3 Ogos 2016. Lawatan ini telah dihadiri oleh YBhg. Dato' Dr. Md. Nasir bin Md. Noh, Timbalan Ketua Pengarah II (Sektor Pakar) JPS Malaysia bersama Ir. Ng Kok Seng, Timbalan Pengarah Seksyen Rekabentuk serta Tn.Hj. Rehan Bin Ahmad, Timbalan Pengarah Seksyen Empangan, Bahagian Rekabentuk dan Empangan.

Seramai 9 orang pegawai turut bersama-sama menyertai sesi lawatan pada kali ini. Lawatan ini diadakan sebagai penandarasan untuk kajian “National Dam Safety Management Guidelines (NDSMG) dan The National Dam Safety Management Act (NDSMA)”. Selain itu lawatan ini juga sebagai perkongsian maklumat dan pengalaman mengenai operasi empangan terutamanya dari aspek kawalselia dan keselamatan empangan bagi penghasilan dokumen “National Dam Safety Management Guidelines (NDSMG)” yang komprehensif dan mantap untuk digunakan oleh semua pihak berkepentingan (stakeholder) di dalam pengurusan empangan di Malaysia.




LAWATAN TEKNIKAL KE EMPANGAN PAYA PEDA, TERENGGANU

Oleh: Bahagian Rekabentuk dan Empangan

Satu Lawatan Teknikal ke Empangan Paya Peda, Terengganu yang diketuai oleh Ir. Hj. Ilias Bin Mamat, Pengarah Bahagian Rekabentuk dan Empangan telah diadakan pada 17 Ogos 2016. Turut bersama menyertai lawatan ini ialah Tn.Hj. Rehan Bin Ahmad, Timbalan Pengarah Bahagian Rekabentuk dan Empangan serta 40 orang pegawai bagi kajian *The Development Of The National Dam Safety Management Guidelines (NDSMG) and The National Dam Safety Management Act (NDSMA)* daripada pelbagai Kementerian/ Jabatan/ Agensi/ Syarikat. Lawatan ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman mengenai operasi empangan terutamanya dari aspek kawalselia dan keselamatan empangan.

Antara intipati sepanjang sesi taklimat ini adalah Pelaksanaan Teknologi Hijau Kerajaan di Malaysia dengan melihat kepada dasar, program dan garis panduan kerajaan untuk jangka masa pendek dan jangka masa panjang serta sesi pemantapan Pelan Tindakan GGP Jangka Masa Panjang (2016-2020) JPS, Malaysia dengan bimbingan oleh pihak MGTC.



LAWATAN TIMBALAN KETUA PENGARAH (MAKRO), UNIT PERANCANG EKONOMI (EPU), JABATAN PERDANA MENTERI KE PROJEK (RTB) SG. MUAR FASA II, JOHOR.

Oleh : Bahagian Pengurusan Banjir

Pada 30 Ogos 2016 yang lalu, Unit Penilaian Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan lawatan ke Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Muar Fasa II – Pembinaan Pintasan Belemang. Projek Pembinaan Pintasan Banjir Belemang ini terletak di hilir Sungai Muar dan bertujuan untuk mengurangkan kawasan banjir di sekitar Gerisek, Panchor dan Pagoh (bahagian hulu Sungai Muar) dengan mempercepatkan kadar aliran air banjir ke bahagian hilir.

Lawatan tersebut telah diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah (Makro) EPU iaitu YBhg. Datuk K. Yogeesvaran bersama-sama Pengarah Seksyen Ekonomi Alam Sekitar dan Sumber Asli (SEASSA) EPU, iaitu En. Mohamad Razif bin Hj. Abd Mubin dengan diiringi oleh Timbalan Ketua Pengarah 1 JPS Malaysia, YBhg. Dato' Ir. Hj. Mohd Abdul Nassir bin Bidin bersama Timbalan Pengarah Bahagian Pengurusan Banjir JPS Malaysia, Ir. Hj. Ahmad bin Darus dan Timbalan Pengarah JPS Negeri Johor, En. Azman bin Said. Turut serta dalam lawatan tersebut adalah seramai 30 orang pegawai yang terdiri daripada pegawai dari SEASSA (EPU), JPS Ibu Pejabat (Bahagian Pengurusan Banjir dan Bahagian Korporat), JPS Johor, JPS Daerah Tangkak dan UPPP Johor.

Lawatan tersebut bertujuan untuk untuk melihat status terkini di tapak dan menyusuri Sungai Muar dari Jeti Belemang ke Jeti Kundang Ulu.



Program 'Jom Santai Bersama Perpustakaan'

Oleh : UNIT PERPUSTAKAAN

Program 'Jom Santai Bersama Perpustakaan' bertemakan Hari Kemerdekaan, #Sehatisejiwa yang dianjurkan oleh Unit Perpustakaan telah berlangsung dengan meriah dan jayanya selama 2 hari pada 25-26 Ogos 2016 di Lobi Ibu Pejabat JPS Malaysia. Acara kemuncak program ini adalah pada 26 Ogos 2016 di mana YBhg. Dato' Ir. Hj. Nor Hisham bin Mohd. Ghazali, Pengarah Kanan JPS Malaysia telah menyampaikan hadiah kepada 'Peminjam Teraktif Tahun 2016' dan 'Anugerah Khas Perpustakaan'.

Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan oleh pengajur pada program yang berlangsung selama 2 hari tersebut antaranya kemudahan kepada warga JPS yang ingin meminjam dan memulangkan buku secara terus, pertandingan 'Kuiz Kemerdekaan', permainan tradisional serta tayangan video kemerdekaan. Pengajur juga telah mendapatkan pihak MPH Bookstore pada program tersebut yang telah menawarkan penjualan buku-buku yang menarik dan potongan sehingga 15%. Selain itu, Unit Maklumat, Bahagian Korporat telah menjadi perintis bagi pameran kemerdekaan dengan tema " JPS, A Walked to be Remembered ", "Bahagian Korporat, tak kenal maka tak cinta" serta anjuran Slot Korporat "Dilema Imej, Do's and Don'ts". Program ini turut dimeriahkan lagi dengan penyertaan Mini Karnival oleh PUSPANITA JPS Malaysia dan juga Kaunter Online Malaysia User Satisfaction Evaluation (MUSE) oleh Bahagian Pengurusan Maklumat.

Secara keseluruhan, program ini telah berjaya menjadi satu program yang menarik, memberikan pelbagai maklumat dan telah mendapat reaksi yang sangat positif daripada warga JPS. Terima kasih kepada warga JPS di atas sokongan yang diberikan dan semoga program ini dapat diteruskan pada masa akan datang.



MINI KANIVAL MERDEKA PUSPANITA JPS MALAYSIA

Oleh : PUSPANITA JPS MALAYSIA

Pada 25-26 Ogos 2016, Biro Keusahawanan PUSPANITA JPS MALAYSIA telah mengadakan Mini Karnival Merdeka sempena Program 'Jom Santai Bersama Perpustakaan' yang diadakan di Lobi Ibu Pejabat JPS.


Sambutan yang diterima amat mengalakkannya sebanyak 10 buah gerai dengan pelbagai jualan telah turut serta pada karnival kali ini yang bertujuan membuka ruang kepada ahli untuk berminggu dan memperkenalkan produk masing-masing. Selain dari gerai jualan, aktiviti sampingan turut diadakan iaitu Demonstrasri Penjagaan Wajah oleh Mary Kay dan Demostrasi Masakan oleh Amway.

Terima kasih diucapkan kepada ahli PUSPANITA yang terlibat dalam menjayakan Mini Karnival ini dan warga JPS yang turut bersama-sama memeriahkan dan melibatkan diri pada program ini.



SUDUT MAKLUMAT

APA ITU KMS?



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

YBhg. Dato' Ir. Haji Zulkeflie bin Hassan

PENYELARAS

YBhg. Dato' Ir. Hj. Nor Hisham bin Mohd Ghazali

KETUA EDITOR

Ir. Haji Nishad Mohamed bin Haji C.J. Mohd. Shaffy

EDITOR

Yuslina binti Mohd Sani

PENOLONG EDITOR

Nor Hafizah binti Mohd Suhadis

Suriani binti Hassin

Thayalam A/L Sekaran

Noraini binti Samsudin

Noor Asmihan binti Abd Wahab

SUMBANGAN BERITA OLEH

Bahagian Korporat

Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal

Bahagian Pengurusan Banjir

Bahagian Khidmat Pengurusan

Bahagian Pengurusan Zon Pantai

Bahagian Rekabentuk dan Empangan

Bahagian Sumber Air dan Hidrologi

Bahagian Saliran Mesra Alam

UNIT PERPUSTAKAAN

PUSPANITA JPS Malaysia

DITERBITKAN DAN DIREKAGRAFIK OLEH

Unit Maklumat

Bahagian Korporat

Jabatan Pengairan dan Saliran, Malaysia

Jalan Sultan Salahuddin

50626 Kuala Lumpur

Sebarang maklumat dan berita serta gambar-gambar untuk keluaran akan datang boleh dihantar kepada kami melalui :

Email : norhafizah@water.gov.my

No. Tel : 03-2615 1765


Email : suriani.hassin@water.gov.my

No. Tel : 03-2616 1449

Email : noraini_s@water.gov.my

No Tel : 03-2616 1461

CARTA AIR PERMOHONAN DATA/MAKLUMAT GIS DAN BUKAN GIS





like us on
facebook.



@OneJPS

www.water.gov.my